

## Bercakap dengan Doktor



Adalah penting bahawa anda dan orang yang anda sayangi memahami rawatan yang dirancang dan kemungkinan kesan sampingannya. Anda mungkin merasa tidak selesa bercakap dengan doktor, atau anda mungkin bimbang orang yang anda sayangi tidak memahami apa yang doktor katakan. Berikut adalah beberapa cadangan untuk membantu anda mempersiapkan temu janji perubatan:

### **Sebelum setiap temu janji**

- Sekiranya boleh, pesakit harus melantik jurucakap utama.
- Orang ini harus pergi bersama pesakit ke semua temu janji jika boleh, dan menjadi penghubung utama untuk berkongsi maklumat kepada keluarga dan rakan-rakan.
- Perkhidmatan jurubahasa tersedia setiap masa untuk mana-mana pesakit yang bahasa utamanya bukan bahasa Inggeris. Adalah baik sekali untuk mengatur urusan dengan jurubahasa sebelum temu janji. Mungkin ada bayaran yang dikenakan untuk perkhidmatan ini. Sila maklumkan kepada pihak klinik sekiranya anda memerlukan perkhidmatan ini.
- Tuliskan keprihatinan dan persoalan utama anda. Bercakap dengan ahli keluarga yang lain untuk mengetahui keprihatinan mereka juga.
- Beberapa soalan yang mungkin ingin anda ajukan ialah:
  - Apakah jenis barah yang dialami orang yang saya sayangi?
  - Apakah peringkat barahnya sekarang?
  - Adakah barah sudah merebak?
  - Apakah tujuan rawatan? Untuk menyembuhkan atau mengawal barah yang tidak dapat disembuhkan?
  - Apakah rawatan yang disyorkan? Adakah terdapat pilihan rawatan lain?
  - Seberapa kerap rawatan akan diberikan dan akan makan masa berapa lama?
  - Apakah kesan sampingannya? Bagaimana ia boleh diuruskan?
  - Bilakah saya harus menghubungi doktor atau jururawat? Bagaimana saya menghubungi mereka?

### **Pada permulaan temu janji**

- Beritahu doktor bahawa anda mempunyai soalan untuk anda tanyakan. Ini akan membantu doktor untuk meluangkan masa bagi menjawab soalan anda.
- Tanyakan soalan yang paling penting terlebih dahulu.

### **Semasa temu janji**

- Tuliskan jawapan doktor. Sekiranya anda tidak memahami sesuatu, tanyakan kepada doktor untuk menjelaskan lagi atau lukis gambarajah, jika anda fikir ia akan membantu.
- Simpan nota anda dalam folder dengan maklumat perubatan lain yang telah anda kumpulkan.

### **Selepas temu janji**

- Anda boleh menghubungi klinik untuk mendapatkan penjelasan mengenai sebarang perkara lain. Jururawat juga mungkin dapat menjawab banyak soalan anda.

*Kandungan di atas disediakan sebagai sebahagian daripada PROGRAM YAYASAN TEMASEK-ACCESS (Accessible Cancer Care to Enable Support for Survivors), program penjagaan holistik untuk membantu pesakit barah semasa mereka menjalani rawatan dan pemulihan.*

*Kandungannya telah diluluskan oleh Perkhidmatan Maklumat Pendidikan Barah, Pusat Barah Nasional Singapura (NCCS), untuk orang yang menghidap barah dan keluarga serta penjaga mereka. Walau bagaimanapun, maklumat ini hanya berfungsi sebagai panduan dan tidak boleh digunakan sebagai pengganti diagnosis, rawatan atau nasihat perubatan. Untuk keadaan perubatan tertentu, sila dapatkan nasihat perubatan pakar dari pasukan penjagaan kesihatan anda.*

*Dibawakan kepada anda oleh:*

**TEMASEK  
FOUNDATION**

